

ANALISA SKIM AGIHAN ZAKAT KEPADA MUALAF BERDASARKAN MAQASID SYARIAH DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG)

Analysis of Zakat Distribution Scheme Towards Muallaf Based On Maqasid Syariah and Sustainable Development Goals (SDG)

Azman Ab Rahman^{1*}
Mohd Zaini Bin Zakaria²
Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap³
Mohamad Anwar Zakaria⁴
Norfatihah Amlin Abd Ghani⁵

^{1,2,3} Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan

*Corresponding author (Email: azman@usim.edu.my)

Diterima: 19 August 2019, Diproses: 8 October 2019, Diterbitkan: 1 Mac 2020

Abstrak: Zakat merupakan rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang berkemampuan dan cukup syarat. Hasil kutipan zakat akan diagihkan kepada lapan golongan asnaf yang telah ditetapkan termasuklah golongan mualaf. Hal ini bagi memastikan kebajikan, sokongan sosial dan kefahaman mereka diberi perhatian sewajarnya agar mereka tidak kembali kepada agama asal mereka. Pengagihan zakat perlu memenuhi keperluan dan prinsip maqasid syariah meliputi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta bagi memastikan zakat yang diagihkan menepati pensyariatan dan hikmah menunaikan zakat. Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) pula merupakan panggilan sejagat yang diperkenalkan bagi menjamin kepentingan hak asasi manusia meliputi aspek sosial, ekonomi, dan alam sekitar. Justeru, artikel ini akan membincangkan pendekatan maqasid syariah dan SDG dalam konteks agihan zakat. Artikel ini juga akan menilai dan menganalisis skim agihan zakat asnaf mualaf berdasarkan maqasid syariah dan SDG di Negeri Sembilan, Selangor, dan Wilayah Persekutuan. Hasil kajian mendapati skim-skim yang disediakan kepada asnaf mualaf di tiga negeri tersebut melengkapi setiap aspek maqasid syariah serta menepati beberapa matlamat SDG yang diperkenalkan. Kajian lanjutan boleh dijalankan dari semasa ke semasa bagi menilai setiap skim agihan yang disediakan kepada tujuh golongan asnaf yang lain agar selari dengan konsep maqasid syariah yang diutamakan dalam Islam serta matlamat SDG.

Kata Kunci: Skim Agihan Zakat, Mualaf, Maqasid Syariah, SDG.

Abstract: Zakat is a pillar of Islam that must be fulfilled by every capable Muslim who meet the requirements. Zakat collection will be distributed to eight asraf groups including converts who is among the zakat recipients. This is to ensure that their welfare, social support and understanding are taken seriously so that they do not return to their original religion. The zakat distribution scheme provided should complements the principles of maqasid syariah based on the needs of maintaining religion, life, intellect, heredity and wealth. The Sustainable Development Goals (SDGs) on the other hand are universal calls introduced to ensure human

rights consisting of social, economic, and environmental aspects are guaranteed. Hence, this article will discuss the concept of maqasid syariah and SDG in the context of zakat distribution. This article will also evaluate and analyze the zakat distribution scheme to converts based on maqasid syariah and SDG in Negeri Sembilan, Selangor and Federal Territory. The findings show that the schemes provided to the converts in these three states complement each aspect of the maqasid syariah as well as meet the various SDG goals introduced. Further studies can be conducted to evaluate each distribution scheme provided to seven other asnaf groups in order to be in line with the concept of preferred maqasid syariah in Islam as well as SDG goals.

Keywords: Zakat Distribution Scheme, Muallaf, Maqasid Syariah, SDGs.

PENDAHULUAN

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam. Ianya adalah harta tertentu yang dikeluarkan apabila telah mencapai syarat yang diatur sesuai aturan agama, dikeluarkan kepada 8 asnaf penerima zakat (BAZNAS, 2019). Pensyariatan zakat berperanan sebagai medium penyucian harta serta perkongsian kekayaan bagi mengukuhkan ekonomi umat Islam. Agihan zakat disalurkan kepada lapan golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT iaitu asnaf fakir, miskin, amil, mualaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil (Surah al-Tawbah. 9:60).

Setiap skim agihan yang disediakan kepada golongan asnaf zakat memainkan peranan penting dalam memastikan setiap keperluan asnaf dipenuhi dan bertepatan dengan syariat Islam (Azman & Hasanah, 2015). Justeru, bagi memastikan setiap skim agihan zakat yang disediakan mencapai matlamat kewajipan dan hikmah berzakat, maka agihan zakat hendaklah dijalankan mengikut maqasid syariah berdasarkan keutamaan yang lima iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) telah diperkenalkan bagi menjaga kepentingan hak asasi manusia meliputi aspek sosial, ekonomi, dan alam sekitar. Skim agihan zakat yang bertepatan dengan matlamat yang digariskan oleh SDG bukan sahaja dapat menjamin maslahah dan kepentingan penerima zakat, malah dapat menjadikan institusi zakat di Malaysia lebih unggul dan bertaraf dunia.

Oleh itu, pendekatan maqasid syariah dan SDG dalam setiap skim dan bentuk agihan yang disediakan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Perkara ini penting untuk memastikan setiap skim yang diperkenalkan selari dengan konsep maqasid syariah serta SDG yang mengutamakan maslahah dan kepentingan bagi sesuatu perkara.

KONSEP MAQASID SYARIAH

Maqasid syariah didefinisikan sebagai “Matlamat yang ditentukan oleh Syariat untuk direalisasikan bagi faedah dan kepentingan manusia iaitu untuk menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan” (Ahmad al-Raisuni, 1995; Al-Shatibi, 1997). Maqasid syariah melihat kepada perubahan nilai semasa, setempat, `urf dan maslahah seiring dalam proses pengeluaran ijtihad semasa kerana kejahilan memahaminya akan memberi impak negatif terhadap syariat Islam (Ibn Qayyim, 1977).

Syariat Islam bersifat dinamis dan fleksibel menyusun objektif syariah selari dengan keperluan dan kepentingan manusia sejagat berdasarkan kepada tiga tahap kepentingan iaitu *al-daruriyyat*, *al-hajiyat* dan *al-tahsiniyyat* (Al-Shatibi, 1997).


Al-Daruriyyat: merupakan keperluan sesuatu maslahah yang diperlukan dan dihajati. Sekiranya tidak diambil perhatian, ia akan menghancurkan sistem kehidupan manusia secara keseluruhan. *Al-Hajiyat*: merupakan sesuatu objektif atau tujuan yang diperlukan untuk mencapai kelapangan dalam kehidupan, sekali gus menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kesusahan. *Al-Tahsiniyyat*: merupakan usaha mencapai keperluan biasa dan kepentingan asas bersifat sebagai pelengkap kepada pencapaian *hajiyat* dan *daruriyyat*. (Al-Ghazali, 1993).

Daruriyyat terdiri daripada perkara-perkara utama dalam agama yang digelar *al-daruriyyat al-khamsah* iaitu pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, dalam konteks agihan zakat kepada asnaf mualaf, setiap skim agihan yang disediakan perlu dinilai seiring dengan kehendak syarak yang menitikberatkan kemaslahatan dan keutamaan supaya dapat memenuhi setiap keperluan asnaf.

MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI(SDG)

‘Lestari’ menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) bermaksud “tidak berubah-ubah, kekal, tetap; melestarikan menetapkan, mengekalkan. Secara konseptual, idea kelestarian yang menyeluruh meliputi kelestarian sosial, persekitaran dan ekonomi. Konsep kelestarian menurut Hasna (2007) ialah proses yang terus berterusan; digambarkan sebagai sebuah perjalanan yang sangat penting, tetapi hanya sebagai sasaran untuk sampai ke destinasi masa hadapan yang diingini.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) telah diperkenalkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB-UN) melalui usahasama global negara-negara anggota dalam bidang Pendidikan (E), Sains (S), Budaya dan Komunikasi (CO). Dengan memperkenalkan 17 matlamat kelestarian global (rujuk Rajah 1), UNESCO berharap agar negara-negara anggota komited ke arah merealisasikan matlamat-matlamat tersebut menjelang tahun 2030.



Rajah 1. Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

Notes: Diambil Daripada Sumber Laman Web UNESCO

Analisa Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Di Negeri Sembilan, Selangor Dan Wilayah Persekutuan

Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan memperuntukkan beberapa skim agihan zakat bagi membantu asnaf mualaf meliputi aspek kebajikan dan pembangunan asnaf seperti bantuan keperluan asasi, keperluan pendidikan, agama, perubatan, perumahan, perkahwinan dan kebajikan asnaf mualaf. Skim agihan zakat asnaf mualaf yang disediakan di tiga negeri tersebut akan dianalisis berdasarkan prinsip maqasid syariah serta landasan nilai-nilai SDG.

Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Di Negeri Sembilan

Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah menyediakan pelbagai bentuk skim bantuan zakat mengikut keperluan asnaf mualaf di Negeri Sembilan.



Rajah 2. Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Di Negeri Sembilan


Notes: Diambil Daripada Sumber Laman Web MAINS

Berdasarkan Rajah 2 di atas, dapat dirumuskan bahawa skim-skim agihan yang disediakan oleh Baitulmal, MAINS bersifat menyeluruh dengan mengambil kira aspek kebajikan serta pengukuhan rohani dan sosial asnaf seperti saguhati kemasukan Islam, kursus mualaf dan bantuan kebajikan mualaf. Selain itu, keperluan lain diutamakan melalui penyediaan skim agihan zakat yang berbentuk bantuan membaiki rumah, bantuan sewa rumah, bantuan modal dan perniagaan serta bantuan perkahwinan bagi golongan mualaf yang baru memeluk Islam. Di samping itu, bantuan berkhatan, bantuan ramadhan, bantuan dermasiswa bagi mualaf, bantuan untuk Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Mualaf (NGO) dan bantuan dana bagi pembangunan Kompleks As-Sa'adah turut disediakan oleh bahagian Baitulmal, MAINS.

Analisa Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Berasaskan Maqasid Syariah Dan SDG Di Negeri Sembilan

Skim agihan zakat yang disediakan kepada asnaf mualaf oleh Baitulmal, MAINS akan dianalisis berdasarkan kepada lima prinsip maqasid syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal,

keturunan, dan harta. Analisa agihan zakat berdasarkan maqasid syariah diringkaskan seperti dalam Rajah 3 di bawah:



Rajah 3. Analisa Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Berasaskan Maqasid Syariah Di Negeri Sembilan

Berdasarkan analisis yang dijalankan, kesemua 11 jenis skim bantuan yang disediakan tersebut menepati setiap maslahah mengikut keutamaan untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Penyelidik meletakkan skim bantuan saguhati kemasukan Islam, bantuan berkhatan dan bantuan Ramadhan di bawah maslahah memelihara agama seseorang mualaf. Di samping itu, bantuan kebajikan mualaf diletakkan di bawah aspek memelihara nyawa seseorang mualaf dalam aspek perlindungan terhadap musibah dan kecelakaan, kebajikan kesihatan dan sebagainya. Penyelidik mengklasifikasikan setiap aspek yang berkaitan dengan bantuan pendidikan sebagai penjagaan terhadap akal seseorang individu. Manakala bagi tujuan memelihara keturunan, penyelidik mendapati skim bantuan perkahwinan mualaf sesuai diletakkan di bawah tujuan memelihara keturunan seseorang. Selain itu, bantuan berbentuk modal perniagaan, bantuan membaiki dan sewa rumah serta bantuan dermasiswa mualaf secara tidak langsung dilihat bersesuaian dalam konteks memelihara harta berdasarkan maqasid syariah.

Skim agihan zakat asnaf mualaf yang disediakan turut menyumbang ke arah pencapaian matlamat SDG di Negeri Sembilan. Matlamat tiada kemiskinan (SDG-1) dan sifar kelaparan (SDG-2) boleh dilihat dengan penyediaan skim seperti saguhati kemasukan Islam, bantuan kebajikan, serta bantuan Ramadhan. Manakala dalam memberikan perkhidmatan kesihatan (SDG-3) yang selari dengan ajaran Islam, bantuan berkhatan telah disediakan untuk asnaf mualaf. Selain itu, skim agihan seperti dermasiswa mualaf, kursus mualaf, pertubuhan bantuan bukan kerajaan mualaf (NGO) dan kompleks as-Saadah menunjukkan bahawa skim yang disediakan turut menitikberatkan pendidikan yang berkualiti (SDG-4). Bantuan modal dan perniagaan pula dapat memastikan asnaf mualaf berpeluang mendapat pekerjaan dan membangunkan ekonomi dengan baik (SDG-8). Seterusnya, skim bantuan membaiki rumah dan rumah sewa yang disediakan dapat menyumbang kearah kelestarian bandar dan komuniti

(SDG-11) dengan memastikan asnaf mualaf mempunyai rumah yang sesuai dan selamat untuk didiami serta mempunyai kemudahan asas yang baik.

Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Di Selangor

Pengurusan agihan zakat kepada mualaf di Selangor adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Zakat Selangor. Secara umumnya, agihan zakat kepada asnaf mualaf di Selangor diagihkan melalui 15 skim bantuan zakat seperti berikut:

Jadual 1. Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Di Selangor

Bil.	Skim Bantuan Zakat
1.	Saguhati Hari Raya
2.	Bantuan Kewangan Bulanan
3.	Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas
4.	Bantuan Sewa Rumah
5.	Dermasiswa Mualaf
6.	Bantuan Perkahwinan
7.	Bantuan Umum Pelajaran
8.	Pembinaan Rumah Individu
9.	Saguhati Galakan Saudara Baru
10.	Bantuan Modal
11.	Bantuan Perubatan Mualaf
12.	Kursus dan Latihan
13.	Pembinaan Rumah Berkelompok
14.	Pengurusan Jenazah
15.	Bantuan Berkhatan

Notes: Diambil Daripada Sumber Laman Web LZS

Berdasarkan Jadual 1, skim-skim bantuan yang disediakan merangkumi skim bantuan saguhati hari raya, bantuan kewangan bulanan, elaun kehadiran kelas agama asas, bantuan sewa rumah, dermasiswa mualaf dan bantuan perkahwinan. Skim-skim bantuan lain meliputi bantuan umum pelajaran, pembinaan rumah individu, saguhati galakan saudara baru, bantuan modal, bantuan perubatan mualaf, kursus dan latihan, pembinaan rumah berkelompok, pengurusan jenazah dan bantuan berkhatan.

Analisa Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Berasaskan Maqasid Syariah Dan SDG Di Selangor

Skim-skim agihan yang disediakan di Selangor akan dianalisis berpandukan model skim agihan zakat kepada mualaf berdasarkan maqasid syariah seperti berikut:

Jadual 2. Analisa Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Berasaskan Maqasid Syariah Di Selangor

Agama	Nyawa	Akal	Keturunan	Harta
Saguhati Hari Raya	Bantuan perubatan mualaf	Dermasiswa mualaf	Bantuan perkahwinan	Bantuan kewangan bulanan
Elaun kehadiran kelas Agama asas		Bantuan umum pelajaran		Bantuan sewa rumah
Saguhati galakan saudara baru		Latihan dan kursus		Pembinaan rumah individu
Pengurusan jenazah				Bantuan modal
Bantuan berkhatan				Pembinaan rumah berkelompok
5	1	3	1	5

Jadual 2 menunjukkan skim agihan zakat yang disediakan oleh Lzs kepada asnaf mualaf di Selangor. Berdasarkan jadual tersebut, terdapat lima skim bantuan yang disediakan menepati aspek pemeliharaan agama. Skim-skim bantuan tersebut adalah seperti saguhati hari raya, elauan kehadiran kelas agama asas, saguhati galakan saudara baru, pengurusan jenazah dan bantuan berkhatan. Manakala skim bantuan perubatan mualaf dilihat bertepatan dengan tujuan untuk memelihara kemaslahatan nyawa. Di samping itu, beberapa skim dilihat menepati aspek pemeliharaan akal, iaitu dermasiswa mualaf dan bantuan umum pelajaran. Bagi aspek pemeliharaan keturunan, terdapat satu skim yang dikategorikan di bawah aspek ini, iaitu skim bantuan perkahwinan. Berdasarkan aspek pemeliharaan harta, terdapat lima skim bantuan yang menepati aspek tersebut iaitu bantuan kewangan bulanan, bantuan sewa rumah, pembinaan rumah individu, bantuan modal dan pembinaan rumah berkelompok.

Menariknya, skim agihan berasaskan maqasid syariah ini didapati bergerak seiring dengan matlamat yang telah digariskan SDG. Penyelidik mendapati skim-skim agihan zakat asnaf mualaf yang disediakan di Selangor menepati enam matlamat SDG. SDG-1 dan SDG-2 memberi penghususan ke arah usaha memastikan tiada kemiskinan dan sifar kelaparan. Justeru, bagi mencapai hasrat tersebut Lzs telah menyediakan skim agihan seperti saguhati Hari Raya, bantuan kewangan bulanan dan sebagainya. Manakala, SDG-3 pula memberi perhatian terhadap usaha memastikan masyarakat mendapat kesihatan yang baik serta kehidupan yang sejahtera merangkumi skim agihan bantuan perubatan mualaf dan bantuan berkhatan. Di samping itu, bagi memastikan asnaf mualaf mendapat Pendidikan Berkualiti (SDG-4), Lzs telah menyediakan skim dermasiswa mualaf, bantuan umum pelajaran serta elauan kehadiran kelas agama. SDG-8 pula menggariskan kepentingan mempunyai perkerjaan dan perkembangan ekonomi yang baik. Oleh itu, skim bantuan modal serta latihan dan kursus amat bertepatan dengan saranan tersebut. Akhir sekali, skim agihan zakat asnaf mualaf di Selangor turut memberi perhatian kepada matlamat SDG-11 iaitu kelestarian bandar dan

komuniti dengan memastikan asnaf mualaf memperoleh bantuan sewa rumah, pembinaan rumah individu dan berkelompok.

Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Di Wilayah Persekutuan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), melalui pihak Baitulmal telah mengagihkan pelbagai jenis dan bentuk bantuan zakat kepada asnaf mualaf di Wilayah Persekutuan.

Jadual 3: Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Di Wilayah Persekutuan

Bil.	Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf di Wilayah Persekutuan
1.	Skim Bantuan Kewangan Bulanan
2.	Skim Bantuan Aidilfitri
3.	Skim Bantuan Takaful Asnaf
4.	Skim Bantuan Perumahan Bantuan Deposit Sewa Rumah Dan Sewa Rumah Bulanan, Bantuan Membina / Membaiki Rumah Dan Deposit Membeli Rumah Kos Rendah
5.	Skim Bantuan Perubatan haemodialisis, Bantuan Peralatan kesihatan, Bantuan Perubatan Am
6.	Skim Bantuan Keusahawanan, Bantuan Perniagaan, Bantuan Pertanian/Perikanan/Penternakan
7.	Skim Bantuan Pengangkutan, bantuan motosikal OKU, Bantuan Deposit sewa beli teksi, bantuan deposit van/bas sekolah
8.	Skim Bantuan Perkahwinan
9.	Skim Bantuan Guaman Syarie
10.	Skim Bantuan Kecemasan
11.	Skim Bantuan Musibah
12.	Skim Bantuan Am Pelajaran/ Persediaan IPT
13.	Skim Bantuan Pakaian dan Peralatan Persekolahan
14.	Skim Bantuan Tuisyen
15.	Skim Bantuan Agensi-Agenzi Kebajikan dan Institusi Pendidikan

Berdasarkan Jadual 3, dapat dirumuskan bahawa MAIWP telah menyediakan pelbagai jenis dan bentuk skim bantuan mengikut keperluan semasa asnaf yang merangkumi bantuan ekonomi atau kewangan mualaf, bantuan pendidikan, bantuan keusahawanan, bantuan perubatan, bantuan takaful asnaf, bantuan perumahan, bantuan kecemasan dan musibah, bantuan perkahwinan serta Bantuan Guaman Syarie.

Analisis Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Berasaskan Maqasid Syariah Dan SDG Di Wilayah Persekutuan

Penyelidik mengklasifikasikan skim agihan zakat yang disediakan kepada asnaf mualaf oleh MAIWP berdasarkan lima prinsip maqasid syariah seperti berikut:



Rajah 4: Analisa Skim Agihan Zakat Asnaf Mualaf Berdasarkan Maqasid Syariah Di Wilayah Persekutuan

Rajah 4 menunjukkan skim agihan zakat yang disediakan oleh pihak MAIWP kepada asnaf mualaf di Wilayah Persekutuan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, penyelidik mendapati 15 jenis skim bantuan yang disediakan kepada asnaf mualaf tersebut menepati setiap maslahah mengikut keutamaan untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Berdasarkan pembahagian skim mengikut maqasid syariah, penyelidik meletakkan skim bantuan perubatan, bantuan takaful asnaf, bantuan musibah dan kecemasan sebagai memelihara kemaslahatan nyawa seseorang individu. Selain itu, dalam memelihara akal seseorang dalam konteks pendidikan yang berterusan, penyelidik mengklasifikasikan bantuan am pelajaran dan Institut Pengajian Tinggi, bantuan tuisyen, bantuan pakaian dan peralatan persekolahan, bantuan kepada agensi kebajikan serta institusi pendidikan di bawah maslahah memelihara akal seseorang individu. Di samping itu, bantuan perkahwinan dan Bantuan Guaman Syarie diletakkan sebagai skim bantuan zakat bagi memelihara keturunan yang berpanjangan bagi seseorang mualaf. Manakala dari sudut memelihara harta, penyelidik mendapati skim bantuan kewangan bulanan, bantuan keusahawanan, bantuan perumahan, bantuan pengangkutan dan bantuan aidilfitri yang disediakan bersesuaian dalam konteks memelihara harta berdasarkan maqasid syariah.

Namun, bagi memelihara kesucian agama seseorang asnaf mualaf, penyelidik mencadangkan agar diperkenalkan satu skim baharu, iaitu skim bantuan pengurusan jenazah. Skim bantuan ini adalah signifikan bagi memberi kemudahan dan membantu asnaf mualaf dalam hal ehwal pengurusan jenazah.

Manakala berdasarkan SDG, penyelidik meletakkan skim bantuan kewangan dan Aidilfitri sebagai usaha mencapai masyarakat tiada kemiskinan dan sifar kelaparan (SDG-1 & SDG-2). Selain itu, dalam menjamin kesihatan yang baik dan kehidupan yang sejahtera (SDG-3), penyelidik mendapati skim bantuan perubatan sangat bertepatan dengan matlamat tersebut.

Manakala, bagi menyediakan Pendidikan Berkualiti (SDG-4) pula, asnaf mualaf disediakan dengan skim bantuan am pelajaran/IPT, tuisyen, agensi kebajikan/institusi pendidikan serta bantuan pakaian dan peralatan sekolah. Asnaf mualaf juga diberikan peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi (SDG-8) dengan adanya skim keusahawanan. Manakala dari sudut kelestarian bandar dan komuniti (SDG-11), skim bantuan perumahan asnaf mualaf dilihat dapat membantu menyediakan keperluan asas dan memberi keselesaan kepada mualaf.

PENUTUP

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa kelima-lima prinsip dalam maqasid syariah memainkan peranan penting dalam mengukur keberkesanan sesuatu bantuan yang disalurkan dan meningkatkan kepercayaan dan pendirian asnaf mualaf terhadap agama Islam. Manakala agenda SDG pula menggambarkan kepentingan keseimbangan dan keadilan yang perlu dicapai bagi merealisasikan skim agihan bantuan zakat asnaf mualaf yang bersifat dinamis dan global. Analisis skim agihan zakat asnaf mualaf berdasarkan maqasid syariah dan SDG amat penting dan ia bertepatan bukan sahaja dengan prinsip yang digariskan dalam Islam, malah turut selari dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), sesuai dijadikan panduan dan rujukan kepada Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia dalam menentukan skim agihan zakat kepada asnaf mualaf.

RUJUKAN

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1993). *Al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Raisuni, Ahmad. (1995). *Nazriyyah al-Maqasid 'Inda al-Shatibi*. Riyadh: Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islamiyy.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa Ibn Muhammad al-Lakhmi. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Azman Ab Rahman dan Hasanah Abd Khafidz. (2015). *Ensiklopedia Asnaf dan Skim Agihan Zakat di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Bantuan Zakat Asnaf Mualaf Lembaga Zakat Selangor (LZS). Diakses pada 28 Mei 2019. <https://www.zakatselangor.com.my/jenis-bantuan-umum/?lang=en>.
- Hasna, A. M. (2007). Dimensions of sustainability. *Journal of Engineering for Sustainable Development: Energy, Environment, and Health*. Vol. 2, 47-57.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan Muhammad Muhyu al-Din 'Abd 'Aziz (ed). (1977). *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs). Diakses pada 30 Mei 2019. <https://www.un.org/development/desa/disabilities/envision2030.html>.
- Panduan Zakat Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS). Diakses pada 31 Julai 2019. <https://baznas.go.id/zakat>.
- Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Diakses pada 28 Mei 2019. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/bz>.
- Skim Pelaksanaan Agihan Dana Zakat Mengikut Asnaf di Negeri Sembilan. Diakses pada: 28 Mei 2019. <http://www.mains.gov.my/skim-agihan-zakat>.